

Kuala Lumpur: Sudah sampai masa pokok tua di sekitar ibu negara diaudit bagi memastikan tahap ketahanannya supaya tidak mendatangkan bahaya kepada orang ramai terutama pengguna jalan raya.

Mencadangkan perkara itu aktivis masyarakat, Gulam Muszaffar Ghulam Mustakim berkata, satu pangkalan data mengenai semua pokok perlu diwujudkan bagi mengenalpasti status terkini kerana kebanyakannya sudah berusia.

Katanya, ia merangkumi elemen kecacatan, kesihatan, jangka hayat serta ketahanan pokok sesuai dengan usianya yang keba-

Audit pokok tua di sekitar ibu kota

nyakannya sudah hampir 100 tahun dan memerlukan penjagaan khas.

“Apa yang kami difahamkan, ada pihak yang memeriksa pokok ini dua tahun sekali. Dalam keadaan cuaca yang tidak menentu, kami tidak lagi boleh bersandarkan kepada laporan berkala seperti itu.

“Perlu ada pengurusan khas untuk mengawal selia pokok yang kaedahnya perlu dibincangkan bersama pakar berkaitan.

“Saya pernah mencadangkan kepada Kement-

rian Wilayah Persekutuan beberapa tahun lalu mengenai keperluan ini kerana ia berisiko kepada orang ramai setiap kali hujan, angin kuat,” katanya.

Kelmarin, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan) Dr Zaliha Mustafa berkata, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) akan melihat keperluan untuk mengkaji semula

garis panduan pemeliharaan pokok tua di sekitar ibu kota.

Katanya, pihaknya mengenal pasti banyak pokok berusia 50 sehingga 80 tahun di sekitar ibu negara yang hanya menunggu masa tumbang lebih-lebih lagi dengan keadaan cuaca tidak menentu ketika ini.

Gulam Muszaffar berkata, dengan mengambil kira status Kuala Lumpur se-

bagai bandaraya hijau, langkah proaktif perlu diambil segera bagi memastikan kejadian serupa tidak berulang lagi.

Menurutnya, profil mengenai pokok juga sewajarnya boleh diakses oleh masyarakat umum bukan hanya sebagai makluman, tetapi persediaan sekiranya mereka berada di kawasan yang berhampiran.

“Pokok yang dikenal pasti ini juga perlu ditanda bagi membolehkan orang ramai berhati-hati ketika melalui kawasan berkenaan,” katanya.

“
**Perlu ada
pengurusan khas
kawal selia pokok
yang kaedahnya
perlu
dibincangkan**
Gulam